

Semangat juang Ngah Ibrahim

Kota Larut menyimpan segugus peristiwa menuntut pengunjungnya mengerti dan menghargai erti sebuah perjuangan.

Oleh MOHD. ALIF ABU BAKAR
alif.abubakar@kosmo.com.my

WALAU nista ditebar serata buana, memalit tanda hitam pada susuk insan bernama Ngah Ibrahim, tidak sekalipun dia tunduk merelakan tanah miliknya dijajah manusia yang tamakan kekayaan alam sebuah daerah kecil di peta negeri Perak, Larut.

Kisah pilu pembesar Melayu yang digelar Raja Larut itu dibuang negeri ke Pulau Seychelles gara-gara dituduh berkompromi bersama pejuang-pejuang Melayu lain menentang si lintah darat, British, begitu akrab dengan masyarakat hari ini.

Namun seintim manakah generasi kini mendalami riwayat hidup tokoh terbilang ini? Secara am, kita sekadar tahu pada permukaan sahaja dan enggan menyelami ke pusat dasar cerita.

Tatkala zaman kegemilangan Ngah Ibrahim menerajui Larut, kekayaan miliknya dikongsi tanpa rasa bakhil bersama penduduk tempatan. Terbinanya sebuah kota megah pada tahun 1856 berfungsi sebagai nadi pentadbiran Larut selain turut menjadi kediaman rasmi pembesar Melayu itu.

Kota yang berkeluasan 0.894 hektar itu mencoretkan pel-

pada zahirnya masyarakat melihat ia hanya sebagai sebuah muzium bercirikan bangunan kuno namun jika melangkah masuk ke dalam kota sejarah itu, akan bercampur baur perasaan yang sukar diterjemahkan dengan kata-kata, segala nostalgia kembali berputar secara kronologi.

Pusat Pentadbiran

Kota yang dibina berasaskan batu-batu dari Gunung Hijau, Taiping itu beroperasi sebagai pusat pentadbiran Ngah Ibrahim selain turut menjadi tempat tinggal bersama ahli keluarganya.

Waris kelima pembesar Melayu tersebut, Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan Ahmad menyingkap riwayat gemilang moyangnya selaku pentadbir Larut terulang hingga penduduk setempat menggelar Ngah Ibrahim sebagai Raja Larut.

"Dia merupakan orang paling kaya di Larut dan segala kekayaan yang dimilikinya termasuklah sawah padi, lombong bijih timah dan ladang kopi yang



BILIK penjara yang memenjarakan Datuk Maharaja Lela dan pengikutnya.

ALAT yang digunakan bagi menyeka Datuk Maharaja Lela dan pengikutnya lari daripada penjara.



menerajui Larut sebagai kawasan pertanian dan perusahaan yang hebat," katanya yang kini memegang jawatan sebagai Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama.

Usaha mengekalkan penguasaan kota miliknya berakhir apabila termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 yang secara halus menghakis kuasa Ngah Ibrahim sebagai pemerintah Larut terutama berkaitan urusan pengutipan cukai.

Nestapa Ngah Ibrahim memuncak apabila pembantu Inggeris yang dilantiknya, Kapten T.C.S Speedy, berpaling tadah apabila mengambil alih kota tersebut yang bertukar status sebagai kediaman dan pejabat mahkamah Speedy yang dilantik secara rasmi sebagai Penolong Residen Perak.

Menurut Mohd. Isa, Dato Maharaja Lela, Dato Sagar, Pandak Endut dan beberapa pejuang Melayu yang lain dipenjarakan di salah sebuah ruang bilik di kota tersebut pada Julai 1876.

"Kita tahu bahawa mereka boleh mengambil peluang untuk meloloskan diri namun mereka tetap tinggal di penjara tersebut sehingga ke hari pembicaraan.

"Mereka kemudiannya dibicarakan di mahkamah yang terletaknya di tingkat dua kota tersebut yang membawa kepada hukuman gantung sampai mati. ►►

mencoretkan pe-
bagai peristiwa
penting yang per-
nah terjadi di
Larut. Mes-
kipun

bong biji timah dan ladang kopi yang
diusahakan oleh penduduk yang ke-
mudiannya membayar cukai sebanyak
1/10 setahun sekali.

“Segala barangan yang dipamerkan di
kota tersebut seperti mesin pempro-
sesan padi dan kopi, peralatan per-
lombongan bijih timah dan lain-lain me-
nununjukkan kebijaksanaan Ngah Ibrahim

Tragedi pembunuhan

Kesumat Ngah Ibrahim dan pejuang
Melayu Perak yang lain mengakibatkan
terjadinya tragedi pembunuhan
Residen Perak pertama, J.W.W Birch di
Pasir Salak seterusnya membawa ke-
pada kemurkaan British terhadap
orang Melayu.



PANDANGAN dari pintu
utama kota Ngah Ibrahim.




NGAH IBRAHIM

- Merupakan anak kepada Long Jaafar
- Mempunyai tiga orang isteri
- Mewujudkan pasukan polis pertama di Larut
- Memiliki sawah padi di Larut, Matang, Selama dan Kerian
- Dihantar ke Sarawak sebelum ke Singapura setelah rayuan untuk pulang ke tanah air gagal
- Membekalkan senjata dan membantu secara rahsia pergerakan pejuang Melayu Perak



BILIK operasi tentera Jepun ini antara bukti penjajahan Jepun di Tanah Melayu.



MAKAM Nгах Ibrahim yang terletak bersebelahan kota.

kosmo 5/3/2011 MS 23.

“Nгах Ibrahim bersama 40 orang Melayu yang lain pula dibuang negeri ke Pulau Seychelles kerana dituduh bersubhat dalam pembunuhan Birch,” ujarnya. Kota Nгах Ibrahim yang diibaratkan khazanah utama Larut sekali lagi direntap penjajah apabila Jepun yang mahukan kota tersebut berfungsi sebagai markas pertahanan mereka selepas Perang Dunia Kedua.



SALAH satu pejabat ruang pentadbiran British yang terdapat di kota Nгах Ibrahim.

TANGGA asal yang menghubungkan tingkat bawah dan atas kota Nгах Ibrahim.



Mimpi ngeri

Tempoh tiga tahun bermula dari tahun 1942 hingga 1945 merupakan tempoh ngeri kepada masyarakat Melayu yang hidup dalam ketakutan akibat pemerintahan kuku besi Jepun.

Selain bertindak sebagai markas, kota tersebut turut menjadi pejabat dan kediaman pegawai-pegawai...

apabila dijadikan pula sebagai Sekolah Melayu pada tahun 1923 hingga 1941. Pada...

Nгах Ibrahim menghembuskan nafas terakhir pada 4 Februari 1895. Beliau dimakamkan selama 110 tahun...



WAN MOHD. ISA

wai Jepun. Kesan peninggalan yang paling jelas ialah runtuhannya tembok yang mengelilingi kota tersebut yang dilanggar oleh sebuah pesawat Jepun yang terhempas di laman kota tersebut.

Sebaik kesemua 'penderhaka' British diusir dari daerah sendiri, bermula dari tahun 1913 hingga 1922 menyaksikan terlakarnya sejarah penting membabitkan kota tersebut apabila ia secara rasmi bertindak sebagai Maktab Perguruan Melayu pertama di Tanah Melayu.

Legasi rumah agam tersebut sebagai kota pendidikan diteruskan

1941. Bagaimanapun, keamanan tersebut digoncang kembali pada tahun 1942 ketika Jepun menyerang.

Tunduknya Jepun kepada British mengembalikan kota tersebut dilimpahi cahaya ilmu tatkala kembali dijadikan sebagai Sekolah Melayu yang kemudiannya berterusan menjadi Sekolah Kebangsaan Matang pada tahun 1946 hingga 1983.

Tinggalan barangan pembelajaran umpama papan hitam, meja dan kerusi yang diletakkan di satu sudut kota tersebut menghidupkan momen proses pembelajaran Melayu zaman dahulu.

Beliau dimakamkan selama 110 tahun di Singapura.

Jelas Mohd. Isa, amanat moyangnya yang menginginkan jenazahnya disemadikan di kota yang dibinanya sendiri berjaya dijelmakan apabila jenazahnya dibawa pulang ke tanah air pada 9 September 2006.

"Operasi pencarian tidak mudah, saya menghabiskan banyak masa mengkaji sejarah beliau di beberapa buah perpustakaan universiti dan pergi sendiri ke Singapura bagi mendapatkan petunjuk.

"Semuanya berbaloi apabila saya berjaya membawa balik tulang-tulang

beliau yang kini tenang disemadikan di laman kotanya sendiri," luah Wan Mohd. Isa.

Kepulangan pemilik asal kota warisan tersebut mengembalikan sinar kegemilangan kota itu semula yang kini menjadi Muzium Matang di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia.

Semangat perjuangan Ngah Ibrahim terasa bersatu dengan pengunjung yang melewati kota tersebut umpama meminta generasi hari ini tidak sekali-kali alpa dalam mempertahankan maruah bangsa.

Keaslian barang-barang pameran

PENOLONG Kurator Muzium Matang, Zairul Hida Hamdan ketika memperincikan artifak dan struktur kota tersebut Zairul Hida Hamdan berkata, majoriti barangan yang dipamerkan adalah asli.

"Proses pengumpulan artifak telah diuruskan oleh bahagian pendaftaran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang mempunyai jawatankuasa pembelian yang menilai harta kebudayaan tersebut.

"Serpihan bangkai pesawat tentera Jepun yang dipamerkan di kota ini seperti enjin pesawat juga merupakan hasil cari gali yang dijalankan oleh bahagian arkeologi pada tahun 2003.

"Namun barangan di bilik tidur Ngah Ibrahim seperti katil, almari, meja solek dan lain-lain merupakan koleksi JMM yang sezaman pada era

tersebut," jelasnya yang turut memegang jawatan sebagai ketua muzium tersebut.

Menyentuh soal struktur binaan kota tersebut, bangunan yang mempunyai lima bilik itu difahamkan menggunakan binaan yang bermutu tinggi yang membolehkan keutuhannya terjamin hingga kini.

Menurut Zairul, tangga kayu yang masih bertahan di kota itu dijaga dengan penuh teliti hinggan pengunjung perlu berkaki ayam ketika menaiki tangga tersebut.

Ketika ditebak tentang tarikan pengunjung khususnya golongan belia ke muzium itu, Zairul yang telah berkhidmat selama tiga tahun di muzium itu menyatakan bahawa secara kasar muzium tersebut

menerima lebih 1,000 pengunjung dalam sebulan.

"Ramai pelajar sekolah dan universiti datang ke kota ini bagi mengumpulkan maklumat tentang kajian sejarah yang sedang mereka jalankan dan ada di kalangan mereka yang datang dari negeri-negeri lain.

"Kita berharap agar orang ramai datang sendiri ke muzium ini dan melihat sendiri keunikannya kerana muzium ini sememangnya merupakan antara warisan terulung negara yang perlu dijelajahi terutama golongan belia," ujarnya.

Menariknya, muzium tersebut dibuka setiap hari iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 9 pagi hingga 5 petang. Ia hanya ditutup pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha serta masuk adalah percuma.